TEMPOH KEMPEN / *CAMPAIGN PERIOD*

1. **Kempen Golden Wealth Journey ("Kempen")** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional **("BSN")** bermula dari **05 Oktober 2026 sehingga 31 Januari 2027 ("Tempoh Kempen")** melainkan jika dimaklumkan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa**.**
   *The **Golden Wealth Journey Campaign ("Campaign")** is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from* **05 October 2026** ***until*** **31 January 2027** ***("Campaign Period")*** *unless notified otherwise by BSN from time to time.*

2. BSN berhak untuk meminda Tempoh Kempen tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 48 Terma dan Syarat ini.
   BSN reserves the right to vary the Campaign Period, subject to the provisions in Clause 48 of these Terms and Conditions.

3. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak sah atau diterima selepas Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.
   Incomplete, invalid or late applications received after the Campaign Period will be automatically disqualified.

KELAYAKAN / *ELIGIBILITY*

4. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu BSN, sama ada pelanggan baharu atau sedia ada. **("Pelanggan yang Layak")** seperti berikut:
   *This Campaign is open to all new and existing individual customers **("Eligible Customer")** as follows:*

   a) Pelanggan individu BSN yang mempunyai BSN MyGold Account-*i* dan Akaun Pelaburan Unit Amanah / *Individual customers who has a* BSN MyGold-Account-i and Unit Trust Investment Account.

5. Entiti-entiti / individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
   *The following entities/individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in this Campaign:*

   a) Pelanggan bukan Individu BSN (pelanggan korporat, pertubuhan, kelab, persatuan dan entiti bukan individu) / *BSN's non-individual customers (corporate customers, societies, clubs, associations and other non-individual entities);*

   b) Pemegang Akaun Bersama BSN / *BSN Joint Account holder*

MEKANISME KEMPEN / *CAMPAIGN MECHANISM*

6. Keperluan Pelaburan Minimum / *Minimum Investment Requirement*

   Bagi melayakkan diri untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak hendaklah membuat pelaburan gabungan minimum sebanyak RM10,000 mengikut jumlah yang

ditetapkan berdasarkan mod pelaburan Tier A atau Tier B seperti dinyatakan di dalam Klausa 8. / *To qualify for the Campaign, Eligible Customer(s) must invest a minimum combined investment amount of RM10,000 in accordance with the prescribed amount based on the mode of investment of Tier A or Tier B as shown in Clause 8.*

7. Jumlah pelaburan minimum setiap produk yang melayakkan penyertaan hendaklah dibuat dalam satu (1) transaksi. Penggabungan atau pengumpulan beberapa transaksi untuk memenuhi keperluan jumlah pelaburan minimum yang melayakkan penyertaan adalah tidak dibenarkan dan tidak akan diambil kira. / *The minimum qualifying investment amount must be made in a single (1) transaction. Investments aggregated or combined from multiple transactions to meet the minimum qualifying investment requirement will not be considered eligible.*

8. Jumlah minimum */ Minimum amount*

Mod Pelaburan / *Mode of Investment*	**Tier A Tunai* (RM) /** *Cash*(RM)*	**Tier B Tunai** / KWSP*** (RM)** *Cash** / EPF** (RM)*
Unit Amanah / Unit Trust	5,000	5,000
BSN MyGold Account-i****	5,000	10,000
Jumlah / *Total*	**10,000**	**15,000**

Nota/*Note*:

a) (*) Dana Unit Amanah Penyertaan dengan caj jualan minimum 5.00% dan ke atas sahaja (sila rujuk jadual Caj Jualan di Klausa 33).
Participating Unit Trust funds with a minimum sales charge of 5.00% and above only (please refer to the Sales Charge table in Clause 33).

b) (**) Dana Unit Amanah Penyertaan dengan caj jualan di bawah 5.00% sahaja (sila rujuk jadual Caj Jualan di Klausa 33).
Participating Unit Trust funds with a sales charge below 5.00% % only (please refer to the Sales Charge table in Clause 33).

c) (***) Dana Unit Amanah yang diluluskan oleh KWSP Sahaja.
EPF approved Unit Trust funds only.

d) (****) Fi dan caj yang dikenakan bagi BSN MyGold Account-i adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk (Product Disclosure Sheet) dan/atau di laman sesawang rasmi BSN, termasuk sebarang pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
The fees and charges for the BSN MyGold Account-i, shall be based on the information published in the Product Disclosure Sheet and on BSN's official website, including any amendment, revision or update made thereon from time to time.

Ilustrasi / *Illustration:*

A. **Tier A: Tunai* /** *Cash**

Produk / *Product*	**Jumlah Pelaburan (RM) /** *Investment Amount (RM)*	**Ganjaran BSN SSP/** BSN SSP Reward	**Mata Penyertaan /** *Entry Point*
Unit Amanah / *Unit Trust*	5,000	RM50	1
BSN MyGold Account-i	5,000		
Jumlah / *Total*	**10,000**		

B. **Tier B: Tunai**/KWSP*** /** *Cash**/EPF****

Produk / *Product*	**Jumlah Pelaburan (RM) /** *Investment Amount (RM)*	**Ganjaran BSN SSP /** *BSN SSP Reward*	**Mata Penyertaan /** *Entry Point*
Unit Amanah / *Unit Trust*	5,000	RM50	1
BSN MyGold Account-i	10,000		
Jumlah / *Total*	**15,000**		

Nota bagi Tier A dan Tier B / *Note for Tier A and Tier B*:

1) Pelanggan yang Layak layak menerima 1 Mata Penyertaan bagi setiap jumlah pelaburan RM10,000 dalam Tier A atau RM15,000 dalam Tier B.
   Untuk mengelakkan keraguan, jika Pelanggan A dalam Tier A membuat jumlah pelaburan sebanyak RM150,000, Pelanggan A hanya layak menerima 15 Mata Penyertaan.
   Manakala, jika Pelanggan B dalam Tier B membuat jumlah pelaburan sebanyak RM150,000, Pelanggan B hanya layak menerima 10 Mata Penyertaan.
   Customers are eligible for 1 Entry Point for every RM10,000 in total investment in Tier A or RM15,000 in Tier B. B.
   For avoidance of doubt, if customer A invested a total investment of RM150,000 in Tier A, customer A is only eligible for 15 Entry Points.
   Whereas, if customer B invested a total investment of RM150,000 in Tier B, customer B is only eligible for 10 Entry Points.
2) Pelanggan yang Layak layak menerima BSN SSP RM50, tertakluk kepada jumlah pelaburan minimum RM10,000 dalam Tier A atau RM15,000 dalam Tier B.
   Customers are eligible RM50 BSN SSP, subject to a minimum total investment of RM10,000 in Tier A or RM15,000 in Tier B.
3) Gandaan RM10,000 dalam Tier A atau RM15,000 dalam Tier B diperlukan bagi setiap produk untuk melayakkan pelanggan menerima BSN SSP bernilai RM50 bagi setiap gandaan tersebut, tertakluk kepada maksimum RM500 BSN SSP sepanjang Tempoh Kempen.
   Untuk mengelakkan keraguan, jika Pelanggan A dalam Tier A melabur sebanyak RM50,000 dalam Unit Amanah (UT) dan RM50,000 dalam Emas, Pelanggan A layak menerima RM500 BSN SSP.
   Untuk mengelakkan keraguan, jika Pelanggan B dalam Tier B melabur sebanyak RM50,000 dalam Unit Amanah (UT) dan RM100,000 dalam Emas, Pelanggan B layak menerima RM500 SSP.
   Multiple of RM10,000 in Tier A or RM15,000 in Tier B is required based on each product are entitled to RM50 BSN SSP for each multiple, subject to a maximum of RM500 BSN SSP throughout the Campaign Period.
   For avoidance of doubt, if customer A in Tier A invested a total of RM50,000 in UT and RM50,000 in Gold, customer A is eligible for RM500 BSN SSP.
   For avoidance of doubt, if customer B in Tier B invested a total of RM50,000 in UT and RM100,000 in Gold, customer B is eligible for RM500 BSN SSP.

KELAYAKAN BSN SSP / BSN SSP ENTITLEMENT

9. Pelanggan yang Layak dan memenuhi syarat Kempen akan menerima BSN SSP bernilai RM50 bagi setiap gandaan sepertimana dinyatakan di Klausa 8, sehingga RM500 sepanjang Tempoh Kempen. / *Eligible Customer(s) who fulfill the Campaign requirements will receive RM50 BSN SSP for each multiple as stipulated in Clause 8, and up to RM500 BSN SSP throughout the Campaign Period.*

10. BSN SSP hanya akan diberikan sekali sahaja kepada setiap Pelanggan yang Layak sepanjang Tempoh Kempen tanpa mengira jumlah pelaburan keseluruhan. / *The BSN SSP shall be granted only once per Eligible Customer during the Campaign Period, regardless of the total investment amount.*

11. Pelanggan yang Layak mesti memenuhi syarat pelaburan minimum seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8 untuk layak menerima BSN SSP. / *Eligible Customers must meet the minimum total investment as stated in Clause 8 to qualify for the BSN SSP.*

12. Peruntukan BSN SSP adalah terhad kepada jumlah keseluruhan sebanyak RM50,000 untuk Kempen ini. / *BSN SSP allocation is limited to a total Campaign allocation of RM50,000.*

13. Jumlah peruntukan BSN SSP sebanyak RM50,000 akan diagihkan secara sama rata dalam tempoh empat (4) bulan sepanjang Tempoh Kempen, dengan RM12,500 diperuntukkan kepada pemenang setiap bulan dan diberikan berdasarkan konsep siapa cepat dia dapat (first-come, first-served basis). Ganjaran BSN SSP tersebut akan dikreditkan kepada Pelanggan yang layak setelah tamat Tempoh Kempen. / *The total BSN SSP allocation of RM50,000 shall be allocated equally across four (4) months throughout the Campaign Period, with RM12,500 awarded to winners each month and shall be awarded on a first-come, first-served basis. The BSN SSP reward will be credited to the Eligible Customer upon the expiry of the Campaign Period.*

14. Bank berhak menghentikan pemberian BSN SSP apabila jumlah peruntukan yang ditetapkan telah habis digunakan. / *The Bank reserves the right to cease awarding BSN SSP once the allocated amount has been fully utilised.*

KELAYAKAN CABUTAN GANJARAN / REWARD DRAW ELIGIBILITY

15. Pelanggan yang Layak akan secara automatik layak menyertai Cabutan Ganjaran setelah memenuhi syarat Kempen. / *Eligible Customer(s) will automatically qualify for the Reward Draw upon meeting the Campaign requirements.*

    Pelanggan yang Layak akan menerima:
    Satu (1) Mata Penyertaan bagi Cabutan Ganjaran bagi setiap RM10,000 jumlah pelaburan yang layak utuk Tier A, atau;
    Satu (1) Mata Penyertaan Cabutan Ganjaran bagi setiap RM15,000 jumlah pelaburan yang layak untuk Tier B.

    Eligible Customer(s) shall earn:
    One (1) Reward Draw Entry for every RM10,000 total qualifying investment for Tier A, or;
    One (1) Reward Draw Entry for every RM15,000 total qualifying investment.for Tier B.

    Sebarang baki pecahan daripada RM5,000 atau 10,000 tidak akan dibundarkan. / *Any fraction of RM5,000 or RM10,000 shall not be rounded up.*

    Contoh Tier A:
    Jumlah pelaburan RM125,000 = 12 Mata Penyertaan
    Jumlah pelaburan RM300,000 = 30 Mata Penyertaan

    Contoh Tier B:
    Jumlah pelaburan RM125,000 = 8 Mata Penyertaan
    Jumlah pelaburan RM300,000 = 20 Mata Penyertaan

Example Tier A:
RM125,000 total investment = 12 Entry Point
RM300,000 total investment = 30 Entry Point

Example Tier B:
RM125,000 total investment = 8 Entry Points
RM300,000 total investment = 20 Entry Point

16. Hadiah yang ditawarkan oleh BSN bagi Cabutan Ganjaran ("Hadiah") adalah seperti di bawah. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah tersebut dengan barangan yang mempunyai nilai setara atau lebih tinggi sekiranya Hadiah asal tidak tersedia atas apa jua sebab. / *The prize offered for the Reward Draw ("Prize") is as follows. The Bank reserves the right to substitute the Prize with an item of equivalent or higher value* in the event *the original Prize (pursuant to BSN's notification, if any) is unavailable for any reason whatsoever.*

Kategori / *Category*	**Pemenang / *Winners***	**Hadiah / *Prizes***
Hadiah Utama /*Grand Prize*	1	Tablet/Robo vacuum/ Cordless vacuum
Hadiah Kedua /*Secondary Prize*	3	Headphone/ Smartwatch
Hadiah Sagu Hati/ *Consolation Prize*	6	Speaker/Headphone

Seramai sepuluh (10) Pelanggan yang Layak akan dipilih sebagai pemenang ("Pemenang") setiap bulan, melalui cabutan secara rawak ke atas semua mata penyertaan yang direkodkan oleh BSN. Pemenang yang pertama terpilih akan menerima Hadiah Utama, tiga (3) Pemenang yang terpilih seterusnya akan menerima Hadiah Kedua, manakala enam (6) Pemenang yang terpilih berikutnya akan menerima Hadiah Sagu Hati. *A total of ten (10) Eligible Customers will be selected as the winners ("Winner") each month, via random draw based on all entry points recorded by BSN. The first selected Winner will receive the Grand Prize, the next three (3) selected Winners will each receive a Secondary Prize, and the following six (6) selected Winners* will *each receive a Consolation Prize.*

17. Selepas Cabutan Ganjaran dilakukan, Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon ataupun apa-apa kaedah yang ditentukan oleh BSN berdasarkan butiran peribadi lengkap yang diserahkan semasa permohonan Pembiayaan. / *After the Reward Draw has been performed, the Winner(s) will be notified through telephone call or any other method determined by BSN based on the complete contact information provided during the Financing application.*

18. BSN tidak akan bertanggungjawab sekiranya kemenangan Pemenang dibatalkan atas sebab Pemenang **GAGAL DIHUBUNGI** atas apa jua sebab; **a**) selepas sekurang-kurangnya **TIGA (3) KALI** percubaan oleh pihak BSN semasa hari bekerja (Isnin hingga Jumaat dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang) DAN/ATAU **b**) sehingga

habis tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat Kempen. / *BSN shall not be held responsible if the Winner's winning is cancelled in the event that the Winner cannot be contacted by BSN for any reason whatsoever;* ***a)*** *after at least* ***THREE (3)*** *ATTEMPTS during the working hours (Monday to Friday from 8.30am until 5.30pm) AND/OR* ***b****) until the end of one (1) month's period from the last day of the Campaign.*

19. Untuk menuntut Hadiah, Pemenang hendaklah hadir ke lokasi yang akan dimaklumkan oleh BSN kemudian dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemakluman kemenangannya. / *To claim the Prize, the Winners shall attend the location as will be informed by BSN at a later date within thirty (30) days from the date of being notified of the winning.*

20. Sekiranya Pemenang memerlukan wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah menyerahkan surat kebenaran asal yang ditandatangani oleh Pemenang berserta salinan MyKad Pemenang dan/atau dokumen sokongan lain yang dikehendaki oleh BSN. BSN berhak menghubungi Pemenang bagi mengesahkan kebenaran tersebut. / *If the Winners require a representative to claim for the Prize(s) on their behalf, the representative shall produce the original copy of the authorization letter signed by the Winner together with a copy of the Winner's MyKad together with other supporting documents as requested by BSN. BSN reserves the right to contact the Winners to verify such authorization.*

21. Pemenang-pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau SMS dan/atau sebarang kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh BSN sebelum/selepas butiran nama dan emplat (4) digit terakhir No. Kad Pengenalan (NRIC) pemenang-pemenang dipaparkan dan diumumkan di Laman Web BSN.
The winners will be notified by telephone and/or SMS and/or any other method(s) deemed suitable by BSN before/after the winners' name and the last four (4) digits of their NRIC number being published and announced on BSN's Website.

22. BSN merizabkan hak untuk memilih pemenang-pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan Pemenang dihubungi selaras dengan Klausa 18 atau menuntut Hadiah selaras dengan Klausa 19.
BSN reserves the right to select any additional Winners to substitute any Winners who may be ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever; including but not limited to the Winner's failure to be contacted pursuant to Clause 18 or claim the Prize in accordance with Clause 19.

23. Semua Pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat yang disertakan dengan Hadiah dan/atau ganjaran BSN SSP, sekiranya ada.
All Winners shall abide to the Terms and Condition attached to the Prizes and/or BSN SSP reward, if any.

24. BSN berhak untuk meminta dokumen pengenalan diri dan bukti kelayakan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak sebelum memberikan Hadiah.
BSN reserves the right to request identification documents and proof of eligibility from any Eligible Customer(s) prior to awarding any Prize.

25. Tiada had maksimum bagi jumlah Mata Penyertaan bagi Cabutan Ganjaran yang boleh diperoleh oleh pelanggan yang layak. / *There shall be no maximum cap on the number of Reward Draw Entry Points earned by an Eligible customer(s).*

26. Mata Penyertaan bagi Cabutan Ganjaran tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai. / *Reward Draw Entry Points are not transferable and cannot be exchanged for cash.*

HAK BANK / *THE BANK'S RIGHTS*

27. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh pengubahsuaian, penggantungan atau pembatalan Kempen ini.
BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Eligible Customer(s) directly or indirectly, caused by the modification, suspension or cancellation of this Campaign

28. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Kempen ini dan/atau BSN.
BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Customer(s) that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign and/or BSN.

TEMPOH BERTENANG / COOLING-OFF RIGHTS

29. Pelanggan yang Layak yang menggunakan hak tempoh bertenang, pembatalan atau penebusan yang dbenarkan di bawah peraturan yang berkuat kuasa bagi pelaburan Unit Amanah tidak akan layak menerima BSN SSP dan/atau penyertaan bagi Cabutan Ganjaran yang berkaitan dengan transaksi yang dibatalkan tersebut.
Customers who exercise any cooling-off rights, cancellation rights or redemption rights permitted under applicable regulations in respect of the Unit Trust investment shall not be entitled to BSN SSP and/or Reward Draw Entry Points arising from the cancelled transaction.

30. Bank berhak membatalkan sebarang penyertaan, kelayakan menerima Hadiah dan/atau ganjaran BSN SSP yang telah diberikan sekiranya pelaburan yang layak dibatalkan, diterbalikkan atau dikembalikan.
The Bank reserves the right to revoke any Entry, Prize entitlement and/or BSN SSP reward awarded where the qualifying investment is cancelled, reversed or refunded.

DANA UNIT AMANAH YANG MENGAMBIL BAHAGIAN / PARTICIPATING UNIT TRUST FUNDS

31. Hanya Dana Unit Amanah yang diluluskan oleh Bank di bawah Kempen ini, sepertimana dinyatakan di Klausa 33 di bawah, adalah layak. *Only participating Unit Trust funds approved by the Bank under this Campaign, as listed under Clause 33 below, are eligible.*

32. Bank berhak menambah, menggugurkan atau meminda senarai Dana Unit Amanah yang mengambil bahagian sepanjang Tempoh Kempen dengan memberikan notis terlebih dahulu. *The Bank reserves the right to add, remove or revise the list of participating funds during the Campaign Period with prior notice.*

33. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membaca Prospektus, Memorandum Maklumat, Helaian Lembaran Produk dan dokumen pendedahan berkaitan sebelum membuat sebarang pelaburan. Eligible *Customer(s) are advised to read the relevant Prospectus, Information Memorandum, Product Highlight Sheet and other disclosure documents before investing.*

Senarai Dana Unit Amanah Kempen */ List of Participating Unit Trust Funds*

Nama Dana Unit Amanah / *Unit Trust Fund Name*	**Caj Jualan** / Sales Charge
1. **ASN Sara 1***** 2. ASN Sara 2	3.50%
3. ASN Imbang 2 4. **ASN Imbang (ASN Imbang 1)***** 5. ASN Imbang Global 3	4.00%
6. ASN 7. **ASN Equity 2***** 8. **ASN Equity 3***** 9. ASN Equity 5 10. ASN Equity Global 11. AmPrecious Metals Securities	5.00%
12. Am Ittikal 13. PMBI Shariah Premier Fund 14. PMB An-Nur Waqf Income Fund 15. **PMB Dana Bestari***** 16. **PMB Shariah Equity Fund*****	6.00%

Nota/*Notes*:

a) Caj jualan di atas terpakai adalah bagi pembelian unit amanah secara tunai. / *The sales charge stated above applies to cash purchases of unit trust funds only.*

b) Unit amanah yang bertanda (*****) boleh dibeli secara tunai atau melalui KWSP. Jika pembelian dibuat melalui KWSP, caj jualan dana adalah 3.00%. / *Unit Trust Funds*

marked with (*****) may be purchased either in cash or through the EPF. Where the purchase is made through the EPF, the applicable fund sales charge is 3.00%.

c) Fi dan caj yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada maklumat yang didedahkan dalam Prospektus Dana dan/atau di laman sesawang rasmi BSN, termasuk sebarang pindaan, semakan atau kemas kini yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. / *The fees and charges shall be as disclosed in the Fund's Prospectus and/or on the BSN's official website, including any amendment, revision or update made thereon from time to time.*

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / *LIABILITY AND RESPONSIBILITY*

34. Pelanggan yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.
The Eligible Customer(s) shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

35. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan yang Layak.
Any expenses incurred to participate in this Campaign is the sole responsibility of the Eligible Customer(s).

36. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini. Ini merujuk kepada gangguan teknikal yang berlaku sama ada di pihak BSN atau di pihak Pelanggan yang Layak, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan internet, keserasian peranti, atau pembekal rangkaian.
*BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading or similar circumstances that may prevent any Eligible Customer(s) from participating in this Campaign. This refers to technical disruptions occurring on BSN's side **or** on the Eligible Customer's side, including but not limited to issues with the Eligible Customer's own internet connection, device compatibility, or network provider.*

37. BSN berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang Layak daripada menyertai atau menerima sebarang Hadiah dan/atau ganjaran BSN SSP di bawah Kempen ini sekiranya Pelanggan yang Layak:
BSN reserves the right to disqualify any Eligible Customer(s) from participating or receiving any Prize and/or BSN SSP reward under this Campaign if the Eligible Customer(s):

(a) didapati mempunyai status akaun tertunggak (di BSN atau mengikut rekod agensi kredit);
is found to have a delinquent account status (at BSN or according to the credit agency's record);

(b) diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebankrapan; atau
is declared bankrupt or is undergoing bankruptcy proceedings; or

(c) gagal mematuhi Terma dan Syarat produk yang berkaitan atau Kempen ini.
fails to comply with the Terms and Conditions of the relevant product or this Campaign

Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.
Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.

DATA PERIBADI / *PERSONAL DATA*

38. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
By participating in this Campaign, the Eligible Customer(s) hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consents to the use of their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:

a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website; or

b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or

c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or

d) untuk mengesahkan status akaun Pelanggan yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
to verify the Eligible Customer's account status with any third party (if relevant); or

e) apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan yang Layak; atau
where the Eligible Customer(s) request in writing; or

f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.

39. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.
In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.

40. Pelanggan yang Layak dengan ini memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
The Eligible Customer(s) hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customer(s) account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

41. Pelanggan yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
Eligible Customer(s) has the right at any time to:
    a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
    Withdraw their consent for the use of Personal Data;

    b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan / mengemaskini Data Peribadi; dan
    Request for any correction / update of Personal Data; and

    c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi
    Raise any questions regarding the use of Personal data

    d) Dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
    By contacting BSN as stipulated in BSN's Privacy Policy.

42. Pelanggan yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Pelanggan yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak.
The Eligible Customer(s) agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in the Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customer(s)' participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customer(s).

TERMA & SYARAT AM / *GENERAL TERMS & CONDITIONS*

43. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:
By participating in this Campaign, all Eligible Customer(s) deemed to have agreed:

    a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi BSN MyGold Account-*i* (BSN MGA-*i*) / BSN Junior MyGold Account-*i* (BSN JMGA-*i*)

dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions of BSN MyGold Account-i (BSN MGA-i) / BSN Junior MyGold Account-i (BSN JMGA-i)and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and

b) Untuk mengakses Laman Web BSN dan / atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.
To access to BSN's Website and/or any of BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Eligible Customer(s) is updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

44. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
All BSN's decisions relating to the Campaign are final, binding on all Eligible Customer(s), conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

45. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan yang Layak tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang dipaparkan atau dipamerkan tersebut.
By participating in this Campaign, the Eligible Customer(s) consents to BSN the right to publish or display their name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customer(s) are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

46. Dalam semua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen.
In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.

47. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customer(s) resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

48. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari dengan memaparkan pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving a seven (7) day notice prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customer(s). BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customer(s), directly or indirectly, caused by the changes.

49. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan yang Layak melalui paparan di cawangan BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.
Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customer(s) and be deemed to be brought to the Eligible Customer(s)' attention and knowledge by its display at BSN's branches or by notice being sent by BSN or

by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

50. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak BSN.
In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not stated under these Terms and Conditions is subject to BSN's discretion.

51. Semua bahan berkaitan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan cetakan adalah hak milik BSN dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada BSN.
All materials related to the Campaign including but not limited to designs, logos, promotional content and printed materials are the intellectual property of BSN and shall not be used without prior written consent from BSN.

52. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaya.
These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaya.

53. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi BSN di 03-2613 1900.
For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN at 03-2613 1900.

PENAFIAN: *DISCLAIMER*:

Keuntungan pada BSN MGA-i adalah tertakluk kepada turun naik harga Emas. Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat MGA-i ini sebelum membuat sebarang pelaburan Emas.

Pelaburan dalam dana Unit Amanah tidak dijamin oleh mana-mana pihak dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan sebahagian atau keseluruhan modal yang dilaburkan. Prestasi masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus Induk, Prospektus Tambahan (jika berkenaan), serta Lembaran Serlahan Produk (PHS) sebelum membuat keputusan pelaburan.
Pelaburan Unit Amanah dan pelaburan emas tidak dilindungi oleh PIDM.

The profit on BSN MGA-i is subject to the Gold price fluctuations. Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions of BSN MGA-i before making any Gold investment.

Investment in Unit Trust funds is not guaranteed by any party and is subject to investment risks, including the possible loss of part or all of the capital invested. Past performance is not indicative of future performance. Investors are advised to read and understand the Master Prospectus, Supplemental Prospectus (where applicable), and Product Highlight Sheet (PHS) before making any investment decision.
Unit Trust investments and gold investments are not protected by PIDM.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS -